☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 1/2/2012
Hari: RABU M/S: 10
Ruangan: RENCANA

Potensi 'pengaruh asing' dalam politik tempatan

Oleh MUHAMMAD AFIFI ABDUL RAZAK

DALAM konteks dunia global, negara adalah sebuah entiti politik yang bebas dan mampu berdikari. Justeru, dasar luar dan dalaman disifatkan sebagai penentu utama hala tuju sesebuah negara yang lazimnya bersifat 'anarki'.

Kita juga biasa mendengar hujah bahawa dasar luar negara adalah kesinambungan daripada dasar dalaman negara tersebut. Walaupun hujah ini benar, potensi 'pengaruh asing' dalam menentukan hala tuju sesebuah negara juga tidak boleh dipandang ringan dan mesti diberi perhatian.

Dalam era moden yang serba mencabar dan bertamadun ini, alasan wujudnya pengaruh asing dalam politik dalaman sesebuah negara sering kali dipandang ringan dan diketepikan begitu sahaja.

Bagi kebanyakan orang, alasan wujudnya pengaruh asing ini tidak lebih hanya sekadar cara pemimpin negara untuk mengalih pandangan rakyat daripada masalah sebenar dalam negara tersebut serta bertujuan meraih undi, sokongan dan simpati rakyat.

Sebagai contoh baru-baru ini, Presiden Perancis, Nicholas Sarkozy cuba memanipulasi isu 'pembantaian' orang Armenia oleh Kerajaan Uthmaniah demi meraih sokongan kira-kira 500,000 orang berbangsa Armenia di Perancis menjelang pilihan raya presiden di negara tersebut.

Walhal, semua orang di Perancis sudah tahu bahawa Sarkozy sebenarnya cuba mengalih pandangan rakyat mengenai isu kemelesetan ekonomi yang sedang hebat melanda negara tersebut. Inilah yang disebut sebagai strategi *wag the dog*, bertujuan mengalih pandangan rakyat terhadap sesuatu isu.

Pun begitu, dengan menerima senario yang sebegini sebagai 'benar' tidaklah bermakna bahawa andaian potensi wujudnya 'pengaruh asing' dalam mempengaruhi aspek politik dalaman negara mesti dipinggirkan. Ini kerana potensinya sememangnya sangat besar.

Pengarah Center for Strategic and International Studies (CSIS), Richard Fadden, pernah menulis kepada Menteri Kanada yang bertanggungjawab mengenai portfolio Keselamatan Awam, Vic Toews, mengenai wujudnya unsur 'pengaruh asing' dalam politik dalaman Kanada.

Menurut beliau, tindakan bersifat *clandestine* ini yang ditujukan kepada pegawai kerajaan, diplomat dan komuniti di negara tersebut mampu dan berpotensi mempengaruhi kemampuan Kanada untuk membuat sebarang keputusan terutamanya berkaitan aspek dasar awam, dasar luar serta isu-isu keselamatan negara.

Fadden turut mendakwa sasaran pengaruh asing tersebut mempunyai kebarangkalian besar untuk diugut, dikenakan tindakan kekerasan, atau berpotensi untuk *blackmail*.

Sewaktu diwawancara oleh stesen TV tempatan CBC News, Fadden memberitahu bahawa 'negara asing' telah pun berjaya mempengaruhi sekurang-kurang dua menteri Kabinet di dua wilayah di Kanada, serta terbabit dalam mempengaruhi beberapa ahli politik di peringkat perbandaran di British Columbia serta beberapa pegawai kanan kerajaan persekutuan Kanada.

Senario kewujudan pengaruh asing dalam politik negara turut berlaku di beberapa negara lain. Dalam isu pergolakan di rantau Asia Barat dan Dunia Arab misalannya, peranan pengaruh asing dalam percaturan politik di rantau tersebut sangat jelas.

Menteri Luar Rusia, Sergei Lavrov, pernah berkata bahawa 'pemain luar' tidak sepatutnya berterusan menekan pihak-pihak yang bertelagah di rantau Asia Barat dan menjauhkan mereka ini daripada meja rundingan. Sementara itu, jurucakap Kementerian Luar Iran, Ramin Mehmanparast pula menambah dengan mengatakan bahawa sebarang bentuk campur tangan oleh 'pihak luar' terutamanya negara-negara Barat termasuk Amerika Syarikat, dalam isu dalaman negara di rantau itu boleh memburukkan lagi keadaan dan meningkatkan rasa marah rakyat terhadap pemerintah di negara-negara tersebut.

Sebagai sebuah negara kecil yang sedang membangun, Malaysia juga tidak terlepas daripada menjadi ancaman pengaruh asing ini. Kedudukan negara ini yang sangat strategik, dilingkari oleh Selat Melaka dan Laut China Selatan, menjadikan Malaysia sebuah negara yang berpotensi dari segala segi dan ini sebenarnya telah lama menjadi idaman pihak luar untuk mengaut keuntungan jangka-panjang.

Dalam dunia serba moden ini, ancaman 'pengaruh asing' masuk ke Malaysia menerusi pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Dengan menggunakan kelebihan ICT dan internet (facebook, blog dan twitter), unsur 'pengaruh asing' ini sangat mudah disebarkan ke seluruh pelosok negara.

Sebagai contoh, kita tahu bahawa terdapat beberapa blog dimiliki oleh beberapa parti politik pembangkang di Malaysia yang 'dibiayai' sebahagian besar operasinya oleh NGO-NGO antarabangsa ini, seperti Open Society Foundation (yang dimiliki oleh hartawan Yahudi-Hungary, George Soros), International Socialist Movement, Konrad Adenuer Stiftung Foundation, dan beberapa NGO tersohor di Amerika Syarikat yang semuanya mempunyai matlamat yang tersembunyi. Malah, gerakan-gerakan yang berselidung di sebalik nama 'pro-demokrasi' di katakan turut 'didalangi' oleh NGO-NGO ini yang giat bergerak atas pelbagai platform seperti badan kebajikan dan pejuang hak asasi manusia.

Profesor Michael Pugh, sarjana tersohor dalam bidang 'Critical Studies' di University of Bradford, United Kingdom, pernah mengatakan dalam penulisannya yang bertajuk *Peacekeeping and critical theory* bahawa NGO-NGO antarabangsa seperti Trilateral Commission, Bank Dunia dan IMF adalah antara pihak yang bertanggungjawab mencatur pelbagai aspek politik, ekonomi antarabangsa terutamanya di negara-negara selepas perang khasnya di benua Afrika.

Jika negara besar seperti Kanada pun tidak terlepas daripada ancaman 'pengaruh asing', inikan pula negara kecil seperti Malaysia. Justeru, hujah umum yang mengatakan bahawa tidak wujud sama sekali ancaman pengaruh asing dalam politik negara tidak boleh diterima lagi.

Kita mesti ingat bahawa politik dalam dunia tanpa sempadan ini memungkinkan bukan sahaja pergerakan entiti ekonomi, perniagaan dan sosial, tetapi juga pengaruh politik yang bermacam ragam ke segenap ceruk rantau di dalam negara. Semua entiti politik ini bergerak selari dengan 'deruan ombak' globalisasi yang pernah disebut oleh Profesor James Mittelman sebagai *juggernauth*, yakni satu 'gelombang' yang sangat besar dan kuat dan tidak mungkin di sekat oleh sesiapa ataupun oleh mana-mana negara.

Hanya keprihatinan sesebuah negara dan rakyatnya mampu menghalang berkembangnya ancaman pengaruh asing.

PENULIS ialah Pensyarah Sains Politik di Pusat Pengajian Antarabangsa, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM)